



SIARAN MEDIA
MEDIA RELEASE

**INDEKS JUALAN RUNCIT
DAN
INDEKS PERKHIDMATAN MAKANAN & MINUMAN
SUKU TAHUN PERTAMA 2023**

*RETAIL SALES INDEX
AND
FOOD & BEVERAGES SERVICES INDEX
FIRST QUARTER 2023*

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik
Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Negara Brunei Darussalam

*Department of Economic Planning and Statistics
Ministry of Finance and Economy
Brunei Darussalam*



SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

INDEKS JUALAN RUNCIT DAN INDEKS PERKHIDMATAN MAKANAN & MINUMAN
SUKU TAHUN PERTAMA 2023

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Jualan Perkhidmatan Makanan Dan Minuman Mencatatkan Peningkatan Tahun Ke Tahun Pada Suku Tahun Pertama 2023

1. Pada suku tahun pertama (Q1) 2023, jualan perkhidmatan makanan dan minuman telah meningkat sebanyak 17.7 peratus berbanding Q1 2022 dengan anggaran hasil jualan meningkat daripada BND91.9 juta kepada BND108.2 juta. Dari segi volum jualan, aktiviti makanan dan minuman juga mencatatkan pertumbuhan positif sebanyak 12.7 peratus tahun-ke-tahun.
2. Peningkatan hasil jualan makanan dan minuman adalah terutamanya disebabkan oleh Aktiviti Perkhidmatan Katering yang meningkat sebanyak 50.2 peratus, diikuti dengan Kedai Makanan Segera 22.8 peratus; dan Restoran 19.6 peratus.
3. Bagi perbandingan secara suku tahunan, nilai dan volum jualan perkhidmatan makanan dan minuman telah mencatatkan penurunan berbanding dengan suku tahun keempat (Q4) 2022. Nilai jualan perkhidmatan makanan dan minuman telah menurun sebanyak 0.6 peratus pada suku tahun pertama (Q1) 2023 terutamanya didorong oleh penurunan hasil jualan bagi Aktiviti Lain-Lain Perkhidmatan Makanan sebanyak 3.5 peratus; Kedai Makanan Segera 3.1 peratus; dan Aktiviti Perkhidmatan Katering 1.8 peratus.

Prestasi Jualan Runcit Mencatatkan Penurunan Tahun Ke Tahun Pada Suku Tahun Pertama 2023

4. Bagi prestasi jualan runcit, ianya mencatatkan penurunan tahun-ke-tahun sebanyak 4.0 peratus berikutan dengan kekurangan permintaan domestik selaras dengan volum jualan runcit yang lebih rendah sebanyak 4.9 peratus tahun-ke-tahun. Ini adalah didorong terutamanya oleh penurunan jualan Barangan Farmaseutikal dan Perubatan, Kosmetik dan Barang Mandian di kedai khusus sebanyak 26.3 peratus, diikuti dengan jualan Peralatan Komputer dan Telekomunikasi 21.4 peratus; jualan Jam Tangan dan Barang Kemas 21.1 peratus; jualan Peralatan Elektrik dan Peralatan Pencahayaan Isi Rumah di kedai khusus 9.5 peratus; dan jualan di Gedung Serbaneka 4.3 peratus.
5. Manakala, nilai dan volum jualan runcit pada suku tahun pertama (Q1) 2023 juga mencatatkan penurunan. Nilai jualan runcit telah menurun sebanyak 1.7 peratus terutamanya didorong oleh penurunan jualan Peralatan Komputer dan Telekomunikasi sebanyak 23.4 peratus; jualan Barangan Rekreasi 14.1 peratus; jualan Buku, Suratkhbar dan Alat Tulis di kedai khusus 11.7 peratus; jualan di Gedung Serbaneka 1.4 peratus; dan jualan di Pasaraya 1.2 peratus.
6. Indeks Jualan Runcit (IJR) dan Indeks Perkhidmatan Makanan & Minuman (IPM&M) adalah petunjuk awal prestasi ekonomi bagi kedua-dua aktiviti dan memberikan gambaran trend perbelanjaan pengguna di Negara Brunei Darussalam bagi setiap suku tahunan. Laporan penuh bagi kedua-dua aktiviti boleh didapati melalui laman sesawang JPES: <https://deps.mofe.gov.bn>.



MEDIA RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY

RETAIL SALES INDEX AND FOOD & BEVERAGES SERVICES INDEX
FIRST QUARTER 2023

BRUNEI DARUSSALAM

Food And Beverage Service Sales Recorded A Year-On-Year Increase In First Quarter 2023

1. *In the first quarter (Q1) 2023, sales of food and beverages services has increased by 17.7 per cent compared to Q1 2022 with an estimated sales revenue increased from BND91.9 million to BND108.2 million. In terms of volume, food and beverages activity also recorded a positive growth of 12.7 per cent year-on-year.*
2. *The increase in sales revenue of food and beverages was mainly attributed by the increase in Catering Service Activities by 50.2 per cent, followed by Fast-food Outlets 22.8 per cent; and Restaurants 19.6 per cent.*
3. *For quarter to quarter comparison, the sales value and volume of food and beverage services has recorded a decrease, compared to the fourth quarter (Q4) of 2022. The sales value of food and beverage services has decreased by 0.6 per cent in Q1 2023 mainly due to the decrease in sales revenue of Other Food Service Activities by 3.5 per cent; Fast-food Outlets 3.1 per cent; and Catering Service Activities 1.8 per cent.*

Retail Sales Performance Recorded A Year-On-Year Decline In First Quarter 2023

4. *As for retail sales performance, a year-on-year decrease of 4.0 per cent was recorded due to a fall in domestic demand in line with lower sales volume of 4.9 per cent year-on-year. This was mainly driven by a decrease in sales of Pharmaceutical and Medical Goods, Cosmetic and Toilet Articles in specialized stores by 26.3 per cent, followed by sales of Computer and Telecommunications Equipment 21.4 per cent; sales of Watches and Jewellery 21.1 per cent; sales of Electrical Household Appliances and Lighting Equipment in specialized stores 9.5 per cent; and sales at Department Store 4.3 per cent.*

5. *Meanwhile, the retail sales value and volume in Q1 2023 also recorded a decrease. The retail sales value contracted 1.7 per cent mainly driven by a decrease in the sales of Computer and Telecommunications Equipment by 23.4 per cent; sales of Recreational Goods 14.1 per cent; sales of Books, Newspapers and Stationery in specialized stores 11.7 per cent; sales at Department Store 1.4 per cent; and sales at Supermarket 1.2 per cent.*

6. *Retail Sales Index (RSI) and Food & Beverages Services Index (F&BSI) are preliminary indicators of economic performance for both activities and provides an outlook for consumer spending trends in Brunei Darussalam on a quarterly basis. Full reports of both activities are available from DEPS's website: <https://deps.mofe.gov.bn>.*